

PEKELILING PUSAT CITRA UNIVERSITI BIL. 3/2017

Semua Pelajar Program Ijazah Pertama

Saudara/i,

PELAKSANAAN KURSUS PENDIDIKAN CITRA PADA SESI AKADEMIK 2017-2018

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas, sukacita sekiranya pelajar program Prasiswazah Sesi Akademik 2017-2018 membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut :

1. Pendaftaran kursus Citra Universiti di bawah kod kursus Pusat Citra (Kod LMXX) secara kes khas (manual) perlu menggunakan **Borang Pendaftaran Kes Khas Pusat Citra** yang boleh dimuat turun melalui laman web Pusat Citra (<http://www.ukm.my/citra>) bermula **18 September 2017**. Pelajar perlu melengkapkan borang tersebut, mendapatkan tandatangan pensyarah kursus seterusnya menghantar borang tersebut ke kaunter Pusat Citra selewat-lewatnya sebelum/pada **27 September 2017**. Penghantaran borang tersebut selepas tarikh berkenaan tidak akan diterima.
2. Pelajar yang telah menghantar Borang Kontrak Pembelajaran Kursus LMCK2922 dan ingin mendaftar kursus **LMCK2922 – Kemahiran Insaniah** pada Semester I ini perlu menggunakan **Borang Pendaftaran Kes Khas Kursus LMCK2922** yang boleh dimuat turun melalui laman web Pusat Citra (<http://www.ukm.my/citra>) bermula **18 September 2017**. Pelajar perlu melengkapkan borang tersebut dan hantar ke kaunter Pusat Citra selewat-lewatnya sebelum/pada **27 September 2017**. Penghantaran borang tersebut selepas tarikh berkenaan tidak akan diterima. Aktiviti/projek pelajar bermula Januari 2017 perlu melalui sistem i-STAR. Permohonan kontrak pembelajaran, pelaporan, penilaian, penggredan dan penjaan kod kursus ke SMP akan menggunakan sistem tersebut.
3. Pelajar juga perlu memastikan baki unit yang boleh didaftarkan pada semester ini adalah mencukupi dan tidak melebihi had yang dibenarkan. Sekiranya Pusat Citra mendapati pelajar telah melebihi had unit yang dibenarkan, pendaftaran kursus secara kes khas (manual) tidak akan diproses. Semakan pendaftaran kursus boleh disemak semasa minggu Pengesahan Pendaftaran Kursus.

Sekian, kerjasama dan perhatian saudara/i diucapkan terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. KHAIDZIR HJ. ISMAIL
Pengarah



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PUSAT CITRA UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 6866 Faksimili: +603-8925 2976 E-mel: pghcitra@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/citra>